

MPP rangka deklarasi kecemerlangan akademik

633

BERITA HARIAN (S) : Apa pandangan saudara mengenai penekanan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Ir Mohd Zohadie Bardaie, bahawa pengurusan universiti perlu merapatkan lagi hubungan dengan pelajar ke arah mempertingkatkan tumpuan mereka terhadap pelajaran?

MOHD NASRI (J) : Hubungan antara pihak pengurusan universiti ini dengan pelajar, terutama MPP, adalah positif kerana amalan dasar yang lebih bertoleransi. Naib Canselor UPM sekarang, Dr Ir Mohd Zohadie, memang melaksanakan dasar keterbukaan dan mengutamakan pelajar sebagai pelanggan utama universiti. Beliau seorang 'pendengar yang baik' dan mudah menerima pandangan. Secara tidak langsung, sikap toleransi beliau dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Timbalan Pendaftar, menyebabkan pelajar mudah berjumpa serta berbincang dengan pihak pengurusan universiti mengenai sebarang masalah, sama ada secara individu mahupun keseluruhan.

S : Secara umum, wujud senario di mana terdapat MPP didakwa memperjuangkan sesuatu di luar landasan peranan mereka, terutama berbau politik. Apa komen saudara?

J : Sebenarnya, MPP tidak dapat lari daripada menangani isu semasa atau yang berkaitan masyarakat kerana ada kala, kepimpinan mahasiswa menjadi tumpuan di mana pendirian dan pendapat mereka diperlukan, terutama pihak media massa sendiri. Misalnya, isu yang bersifat global memerlukan pendapat umum secara bersama. Mengenai isu terkini pula seperti ekonomi, politik ataupun sosial, pendapat serta pendirian daripada wakil mahasiswa turut diperlukan. Cuma, kadangkala tanggapan timbul apabila ada pendapat dan pendirian daripada mahasiswa yang tidak selarian dengan pihak kerajaan. Maka, timbul dakwaan bahawa kepimpinan mahasiswa ini bersifat antikerajaan. Mahasiswa adalah di bawah satu rumpun dan tidak boleh diasingkan daripada masyarakat kerana kita duduk dalam sebuah komuniti. Oleh itu dalam setiap isu, mesti ada tindak balas secara langsung ataupun tidak langsung.

S : Adakah saudara setuju terhadap pendapat mengatakan kepimpinan mahasiswa dipengaruhi oleh aliran pembangkang?

J : Saya berpendapat ia tidak benar. Mahasiswa adalah profesional, intelektual dan berada di taman ilmu universiti sekali gus mempunyai tahap pemikiran sendiri. Mahasiswa

SISTEM meritokrasi bagi memilih pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan dilaksanakan secara berperingkat tanpa menjejaskan kuota sedia ada, seawal-awalnya tahun depan. Sesetengah pihak menyifatkan ia tindakan radikal kerajaan berikutan prestasi akademik pelajar Melayu yang kurang memberangsangkan. Wartawan Berita Harian, **SYUHADA CHOO ABDULLAH**, mewawancara Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (MPPUPM), Mohd Nasri Muarat, untuk mengetahui reaksi mahasiswa, khususnya di UPM.

bekerja, bertindak atau memberi pandangan serta pendapat berasaskan keilmuan yang dimiliki. Saya sendiri memberi penekanan kepada semua exco bahawa kita mesti mengekalkan profesionalisme dan kemahasiswaan kita. Bagaimana masyarakat hendak menghormati mahasiswa jika mahasiswa tidak bertindak atas aspek kemahasiswaan yang ada? Mahasiswa harus bergerak di atas keilmuannya sebagai mahasiswa. Oleh itu, saya sudahpun menekankan bahawa setiap perkara mesti ada kajian mengenai baik buruk, pro kontra serta sudut positif negatif sebelum membuat kesimpulan dan kita cuba membentangkannya dalam bentuk kertas cadangan, memorandum dan sebagainya. Saya berpendapat ini adalah proses biasa untuk memperkembangkan minda. Justeru mengenai dakwaan mahasiswa pro-pembangkang, mungkin pendapat yang diluahkan secara ketebulan saja seialiran dengan pembangkang.

S : Adakah faktor itu menyebabkan mahasiswa mencari ruang untuk lantang bersuara atau menentang, iaitu kerana ingin menunjukkan bahawa mereka mempunyai ilmu kemahasiswaan?

J : Setiap tindakan mestilah rasional dan bukan emosional. Kadang-kadang, memang ada yang bertindak mengikut emosi tetapi mereka bukan golongan majoriti. Kita mahu mahasiswa mengelakkan sikap emosional dan bersikap rasional dalam tindakan kerana ia akan memberi tanggapan buruk.

Sebenarnya, bukan mudah untuk mempengaruhi mahasiswa. Mahasiswa mempunyai pendirian sendiri. Cuma yang penting, kita memerlukan kerjasama serta baik sangka daripada semua pihak. Maha-

siswa perlu diiktiraf sebagai golongan intelek serta bakal pelapis kepimpinan negara pada masa depan. Dalam keadaan cabaran dunia sekarang, bakal pelapis kepimpinan negara perlu dibentuk dan dididik menjadi pemimpin yang dapat bersaing dengan cabaran akan datang. Oleh itu, yang penting sekarang ialah kita berusaha mewujudkan satu hubungan baik. Sebagai contoh, Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) adalah satu saluran yang baik kerana mahasiswa memerlukan saluran untuk menyatakan pendirian dan pandangan. Saluran perlu ada serta diperbanyakkan lagi supaya pendapat mahasiswa tidak terbuka atau terkubur di universiti sahaja.

S : Apakah cadangan saudara untuk merapatkan lagi hubungan antara kerajaan dengan mahasiswa?

J : Pertama sekali, kerajaan perlu membuat penegasan supaya pihak pengurusan universiti mesti menjalin hubungan lebih rapat dengan pelajar. Jika pihak pengurusan universiti yang merupakan wakil kerajaan di IPTA, bersikap toleransi, boleh bekerjasama dengan pelajar, mengutamakan kebajikan dan akademik pelajar, serta meletakkan pelajar sebagai pelanggan utama, saya yakin hubungan pelajar dengan pihak universiti akan menjadi semakin baik.

Selain itu, kerajaan perlu menyediakan lebih banyak saluran untuk menyalurkan suara pelajar seperti dialog. Kepimpinan mahasiswa memerlukan hujah rasional atau penjelasan, terutama daripada penggubal dasar. Mahasiswa bukan ingin terbahit secara langsung tetapi sekadar ingin tahu. Misalnya, kerajaan membuat dasar untuk menghadapi cabaran globalisasi. Siapa yang

akan menyahut cabaran globalisasi ini, mestilah mahasiswa. Oleh itu, mahasiswa memerlukan penjelasan sebenar mengenainya. Apabila dijelaskan, tidaklah berlaku salah faham.

S : Ada yang mengatakan kegiatan mahasiswa, terutama Melayu, 'terpesong' daripada landasan akademik sehingga menjejaskan pencapaian mereka dalam pengajian. Apa komen saudara?

J : Saya berpendapat pelajar di universiti, berdasarkan pengalaman sendiri, lebih mengutamakan akademik. Penekanan itu memang tidak dapat dinafikan. Misalnya di UPM sendiri, hanya sebilangan kecil yang terbabit dengan kegiatan kokurikulum. Hakikatnya, pelajar memang menumpukan perhatian kepada akademik. Tambahan pula, dalam akademik sudah pun dimasukkan unsur kokurikulum di mana ada pensyarah menggalakkan pelajar menghasilkan kertas kerja, kertas cadangan atau projek berkaitan akademik yang berkenaan. Misalnya dalam bidang sosiologi, pelajar dikehendaki turun ke kampung untuk menemui bual penduduk di sana. Itu merupakan suatu aktiviti akademik bersama kokurikulum. Maka dengan kesuntukan masa seperti itu, perhatian pelajar memang tertumpu kepada akademik. Oleh itu, saya menafikan jika pelajar dikatakan terpesong daripada matlamat asal ke universiti. Contohnya, pada sesi ini, MPPUPM memperjuangkan agenda kecemerlangan dan juga perpaduan di kalangan mahasiswa. Ini bermakna segala program, aktiviti dan gerakan kita menjurus ke arah kecemerlangan akademik di samping memastikan wujudnya perpaduan yang cukup kukuh.

S : Tapi yang dimaksudkan di sini ialah pembabitan mahasiswa dalam aktiviti politik.

J : Berkenaan dengan isu politik, berkaitan tuduhan atau dakwaan bahawa kepimpinan mahasiswa antikerajaan, militan atau propembangkang, saya berharap supaya masyarakat memberikan kepercayaan kepada kepimpinan mahasiswa dan janganlah membuat sebarang dakwaan tanpa bukti kukuh. Sebaiknya sebagai pelapis kepimpinan negara, berilah peluang dan ruang sepenuhnya untuk kami terbabit sama dalam masyarakat. Saya ingin menjelaskan bahawa mahasiswa bertindak bukan secara tidak rasional tetapi berdasarkan keilmuan dan kemahasiswaannya. Perjuangan mahasiswa hanyalah untuk kepentingan negara, agama dan masyarakat. Kita cuba menyiapkan dan menyediakan diri menjadi bakal pemimpin negara atau

masyarakat yang mampu membawa negara ke arah kemajuan dan pembangunan. Itu cita-cita kepimpinan mahasiswa.

S : Kenapa pencapaian mahasiswa Bumiputera dikatakan masih lemah?

J : Punca kelemahan pencapaian akademik di kalangan mahasiswa Bumiputera boleh dilihat dari pelbagai aspek. MPPUPM sendiri sudah melakukan kajian mengenainya dan mendapati berpunca daripada banyak faktor. Sebagai contoh, pelajar ditawarkan kursus yang tidak diminta sekali gus mengurangkan minatnya terhadap pengajian berkenaan. Selain itu, pengaruh di sekitar mereka. Terdapat mahasiswa yang lebih cenderung kepada budaya hendak menghiburkan diri saja, tidak berminat sangat untuk belajar, ponteng kuliah, tiada komitmen dan juga belajar pada saat-saat akhir sebelum peperiksaan. Inilah puncanya, sikap mahasiswa sendiri yang tidak pandai menguruskan diri dan tanggungjawab belajar dengan baik. Pelajar terbabit dengan kepimpinan mahasiswa adalah dari kalangan mereka yang cemerlang dalam akademik sebagai syarat untuk bertanding dalam pilihan raya. Justeru, itu bukanlah punca utama, sebaliknya ada pelbagai masalah lain. Yang utama ialah sikap mahasiswa sendiri dari segi pengurusan diri dan perancangan belajar yang lemah. Masalah itu memang perlu ditangani sehingga ke peringkat akar umbi.

S : Apa cadangan anda untuk memperbaiki pencapaian di kalangan mahasiswa khususnya Bumiputera?

J : Sebenarnya, kita dalam peringkat akhir membentuk badan bertindak antara kolej, persatuan, kelab, dan kaum. Kita membuat perbincangan peringkat akar umbi mengenai langkah untuk mempertingkatkan pencapaian akademik tanpa mengira kaum. Kita sudah menyiapkan beberapa kertas cadangan dan insya-Allah, akan mengemukakan kepada pihak universiti tidak lama lagi. Kita bercadang untuk membuat satu deklarasi kecemerlangan akademik dan mahu semua mahasiswa berusaha menepatinya. Sebagai contoh, program 'silent hour', iaitu waktu yang dikhususkan untuk tujuan belajar saja di mana sebarang program dijalankan mestilah berasaskan akademik. Selain itu, kita juga akan menjalankan pelbagai kempen kesedaran seperti forum akademik, dialog akademik dan seminar kecemerlangan akademik.

Agenda kita ialah supaya semua pelajar di UPM mengetahui tanggungjawab dan peranan mereka. Kita juga cuba menanamkan semangat kecintaan yang tinggi terhadap

universiti, iaitu bersama-sama mengangkat martabat universiti ini menjadi universiti terunggul dari segi kecemerlangan akademik, ketinggian peribadi, kajian bermutu dan kesungguhan dalam pembelajaran. Tujuan semua agenda ini ialah supaya pelajar memahami tugas dan skop utama mereka di universiti adalah belajar. Selain itu, kita juga akan memperjuangkan isu berkaitan akademik seperti bilik kuliah diperbanyak dan dicukupkan, sistem pengajaran dan pembelajaran dikemas kini, serta pelajar sentiasa didedahkan kepada program galakan dan motivasi.

S : Apa pula pandangan MPPUPM mengenai pelaksanaan sistem meritokrasi dalam memilih pelajar ke IPTA?

J : Isu meritokrasi ini masih baru dan MPPUPM masih dalam peringkat kajian mengenainya. Saya sudah mengarahkan sekretariat membentuk badan bertindak dan membuat kajian mengenai kewajaran pelaksanaan dasar meritokrasi ini. Oleh itu, saya masih belum boleh membuat sebarang kenyataan kerana kita perlu mengkajinya dahulu. Kita akan membuat rujukan kepada pihak pakar, perlembagaan dan dari segi komposisi peraturan masyarakat di negara ini.

S : Secara umumnya, adakah MPPUPM bersetuju dengan sistem meritokrasi memilih pelajar ke IPTA?

J : Pada dasarnya pemilihan pelajar dibuat berdasarkan kecemerlangan, kemampuan dan kredibiliti. Cuma di Malaysia, kita perlu juga melihat dari aspek lain seperti perpaduan.

Perlembagaan negara diwujudkan untuk memelihara kestabilan negara. Oleh itu, kita perlu melihat dari pelbagai aspek. Ketika ini, ramai memperjuangkan hak tetapi tidak rama yang sedemikian dari segi tanggungjawab. Justeru, saya sendiri menekankan bahawa kita boleh menuntut hak tetapi pada masa sama juga harus melihat tanggungjawab. Setiap individu mempunyai hak masing-masing tetapi kita juga perlu bertanggungjawab supaya seimbang. Jika semua sekadar hendak menuntut hak seperti di Barat, negara akan menjadi kucar-kacir. Yang pasti sekarang, kita harus cuba bertanggungjawab dan sikap toleransi perlu diteruskan antara kaum serta semua pihak.

S : Pada pandangan saudara sekiranya tanpa peruntukan keistimewaan kuota kemasukan pada masa depan, adakah pelajar Bumiputera sudah mampu untuk bersaing dalam mendapatkan tempat di universiti?

J : Secara peribadi, saya berpendapat pelajar Melayu pada alaf ini secara keseluruhannya memang sudah berkemampuan untuk bersaing. Cuma, kita perlu memberikar kesedaran untuk menyedarkan pelajar pada peringkat rendah dan menengah bahawa mereka perlu bersaing.

Dalam dunia sekarang, tidak ada keistimewaan. Malah dalam agama Islam sendiri pun, dinyatakan bahawa tiada yang lebih istimewa melainkan mereka yang lebih kuat berusaha. Itu perlu diamati dan diamalkan.